




Perihal Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Perubatan Dr. Ranjeet Bhagwan Singh

Mendiang Dr. Ranjeet Bhagwan Singh merupakan seorang saintis terkemuka dalam bidang bakteriologi dan telah memberikan banyak sumbangan yang tidak ternilai dalam bidang penyelidikan perubatan. Beliau merupakan mantan Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Malaysia.

Beliau telah mewasiatkan segala hartanya kepada kerajaan Malaysia untuk menubuhkan **Dr. Ranjeet Bhagwan Singh Medical Research Endowment Fund**, iaitu **dana penyelidikan alternatif** yang diberikan kepada penyelidik dalam **bidang bioperubatan di Malaysia** setiap tahun.

Diterajui oleh:



Inisiatif bermula tahun

1997

Pelaksanaan akaun amanah tabung penyelidikan ini



Permohonan dibuka setiap tahun kepada penyelidik dalam bidang bioperubatan **bawah 40 tahun**



Terbuka kepada penyelidik **warganegara Malaysia** di Malaysia sahaja



Dana berjumlah **sehingga RM50,000** diberikan kepada penyelidik



Penyelidikan perlu dilengkapkan dalam masa **24 bulan**



Kriteria yang dinilai dalam cadangan geran penyelidikan

50%
Kualiti Penyelidikan

20%
Impak

20%
Inovasi

10%
Nilai untuk Wang



Dalam tempoh 25 tahun,

**15**

Syarahan Peringatan

**28**

Geran Penyelidikan

**11**

Bengkel Teknikal

program telah diadakan melalui dana tabung amanah ini



Sejumlah

RM 762,265.00

telah dimanfaatkan daripada pelaburan tabung amanah ini sejak tahun **1997**.